

Jimatkan kos tenaga anda dan bantu menyelamatkan alam sekitar

Melalui program Victorian Energy Upgrades (VEU), anda boleh dapatkan produk cekap tenaga berdiskaun yang menjimatkan bil bekalan tenaga.

Malay | Bahasa Melayu

Helaian fakta pengguna skim Victorian Energy Efficiency Target

VEU ialah inisiatif sukarela kerajaan Victoria yang memberi insentif untuk warga memasang produk cekap tenaga bagi menambah baik rumah dan perniagaan. Ini membantu mengurangkan bil bekalan tenaga dan pelepasan gas rumah kaca.

Kelayakan

Setiap isi rumah dan perniagaan Victoria boleh menyertai program ini bagi mendapatkan produk dan khidmat cekap tenaga yang berdiskaun. **Penyertaan anda adalah sukarela.**

Mudah menyertai program ini

Langkah 1. Lihat produk apa yang disediakan.

Langkah 2. Pilih produk yang ingin dipasang demi mengurangkan kos bekalan tenaga.

Langkah 3. Dapatkan pembekal yang bertauliah. Anda perlu menugaskan pembekal bertauliah yang diluluskan untuk memasang produk cekap tenaga VEU. Pembekal bertauliah itu juga bertanggungjawab untuk menguruskan diskaun atau rebat untuk apa juga produk yang dipasang atas pilihan anda. Mereka akan memberitahu anda:

- produk mana yang dapat anda gunakan
- siapa yang boleh memasang produk yang anda pilih.

Untuk mencari produk atau pembekal bertauliah yang ada

Hubungi meja bantuan VEU (03) 9032 1310

Tekan 1 untuk mendapatkan penerangan tentang naik taraf bekalan tenaga. Selepas mendengar sambungan kepada pilihan ini, tekan 0.

Masalah pendengaran atau pertuturan?

Sila hubungi National Relay Service 133 677 atau www.relayservice.gov.au

Jimatkan bil bekalan tenaga anda melalui VEU

	KELUARGA	PERNIAGAAN
Penjimatan sekarang bagi tempoh setahun	Bergantung pada produk naik taraf, purata seisi rumah dapat menjimatkan kos bekalan tenaga sebanyak \$120 hingga \$1,100 setahun.	Bergantung pada saiz perniagaan dan produk naik taraf, anda dapat menjimatkan \$500 hingga \$74,000 setahun.

Hak anda di bawah program VEU

Program VEU mempunyai Tatalaku yang menetapkan taraf tingkah laku minimum demi melindungi pengguna. Tatalaku ini berkuat kuasa atas semua orang yang terlibat dalam pelaksanaan atau pemasaran produk naik taraf.

Aktiviti pemasaran

Jika pembekal bertauliah atau pihak ketiga yang beroperasi bagi pihak mereka menghubungi anda tentang program VEU, mereka mesti:

- memasarkan/menjual produk naik taraf VEU hanya jika anda berumur lebih 18 tahun dan dapat memahami penerangan yang diberikan
- menjelaskan bahawa program ini sukarela dan anda tidak dimestikan ikut serta
- menerangkan bagaimana mereka mendapat alamat anda dan mengapa mereka datang ke rumah atau perniagaan anda
- menyatakan mereka bekerja untuk perniagaan yang mana
- sentiasa memakai kad pengenalan yang mengandungi foto, nama penuh mereka, butiran kontak, ABN dan butiran kontraktor utama
- tidak menggunakan taktik tekanan kuat untuk menjual atau memasarkan produk atau perkhidmatan
- memberi penerangan tepat tentang barangan atau khidmat yang disediakan dan kesesuaiannya
- tidak berbohong atau cuba memperdaya – misalnya mengatakan mereka bekerja di Kerajaan Victoria atau Essential Services Commission (Suruhanjaya Perkhidmatan Penting), atau maklumat kontak peribadi (misalnya nombor telefon) diberikan oleh Kerajaan Victoria untuk tujuan pemasaran.

Untuk mencari produk atau pembekal bertauliah yang ada

Hubungi meja bantuan VEU (03) 9032 1310

Tekan 1 untuk mendapatkan penerangan tentang naik taraf bekalan tenaga. Selepas mendengar sambungan kepada pilihan ini, tekan 0.

Masalah pendengaran atau pertuturan?

Sila hubungi National Relay Service 133 677 atau www.relayservice.gov.au

Hak anda di bawah program VEU *bersambung*

Kontrak

Jika anda mengupah pembekal bertauliah atau pihak ketiga yang beroperasi bagi pihaknya, mereka mesti:

- mengikat kontrak dengan seorang yang berumur 18 tahun ke atas sahaja
- pastikan anda diberitahu tentang apa sahaja kerja yang perlu dilakukan dan anda memahami perkara itu sebelum kerja dimulakan
- memberi anda penerangan tentang hak dan kewajipan anda di bawah program VEU, serta naik taraf yang ditawarkan, dan satu kontrak. Kontrak hendaklah memperincikan produk/khidmat, sebut harga dan apa-apa bayaran tambahan, prosedur penutupan dan tempoh bertenang
- memberitahu dan memastikan anda faham apa-apa kerja yang akan dilakukan, sebelum kerja itu dimulakan
- memberitahu anda siapa yang akan memasang naik taraf produk atau khidmat itu, jika anda sudah setuju mendapatkannya
- memberi anda nombor telefon kontak orang atau syarikat yang memasang naik taraf.

Menjalankan kerja

Apabila memulakan kerja, pembekal bertauliah atau pihak ketiga yang beroperasi bagi pihaknya mesti:

- memulakan kerja hanya setelah anda memberikan izin
- tidak memulakan kerja yang mereka belum beritahu anda butir-butirnya. Butir-butir ini termasuk waktu dan tarikh, produk/khidmat yang dipasang, dan maklumat tentang orang yang menjalankan aktiviti, seperti pembekal bertauliah serta butiran kontak mereka
- bercakap dengan orang yang berumur lebih 18 tahun sahaja
- setelah kerja selesai, memberi anda butiran kontak mereka supaya dapat dihubungi jika perlu
- memberi anda penerangan tentang penyelesaian pertikaian dan apa-apa petunjuk dan penerangan waranti untuk produk/khidmat yang dipasang.

Ingin bercakap dengan kami tentang program VEU?

Sila hubungi **(03) 9032 1310** atau e-mel kami veu@esc.vic.gov.au

Di mana lagi anda boleh mendapat bantuan tentang hak anda sebagai pengguna?

Jika tidak mahu menerima panggilan telepemasaran, daftarkan diri anda di **Do Not Call register**, untuk melarang panggilan telefon pemasaran dari Australia atau luar negara, kecuali mereka yang diberi kelonggaran. Layari www.donotcall.gov.au/ atau hubungi **1300 792 958**.

Jika ada aduan tentang dakwaan tidak benar atau mengelirukan, telepemasaran atau lawatan tak diundang, hubungi Consumer Affairs Victoria. Layari www.consumer.vic.gov.au/contact-us atau hubungi **131 450**.